



PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

PEKELILING PTPTN BILANGAN 1 TAHUN 2008

PEMBERIAN PINJAMAN PENDIDIKAN KEPADA PELAJAR-PELAJAR DIPLOMA LANJUTAN (ADVANCED DIPLOMA) DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI AWAM (IPTA) DAN POLITEKNIK

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai pemberian pinjaman pendidikan kepada pelajar-pelajar Diploma Lanjutan (*Advanced Diploma*) di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dan Politeknik.

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Lembaga Pengurusan PTPTN yang diadakan pada 3 Disember 2007 telah meluluskan pemberian pinjaman PTPTN kepada pelajar-pelajar yang mengikuti pengajian Diploma Lanjutan (*Advanced Diploma*) di IPTA dan Politeknik.

PELAKSANAAN

3. Pertimbangan pemberian pinjaman ini adalah dengan syarat pelajar tidak pernah mendapat pinjaman PTPTN bagi mengikuti pengajian pada peringkat yang sama atau lebih tinggi daripada Diploma Lanjutan.

4. Penetapan jumlah pinjaman adalah berdasarkan pendapatan ibu bapa bagi melayakkan pelajar mendapat pinjaman yuran, sebahagian atau penuh. Jumlah pinjaman maksima ialah RM6,500.00 setahun untuk pembiayaan yuran dan kos sara hidup.

TARIKH KUAT KUASA

5. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2008**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(YUNUS BIN ABD GHANI)

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

28 Januari 2008